

Kesan Hubungan Indonesia dengan Semenanjung Tanah Melayu: Peranan dan Isu Percetakan dan Penerbitan di Sumatera pada Zaman Kolonial

Wannofri Samry^{1*} dan Donny Syofyan²

¹Jabatan Sejarah, Fakulti Ilmu Budaya, Universitas Andalas, 25163 Padang, Indonesia

²Jabatan Sastra Inggris, Fakulti Ilmu Budaya, Universitas Andalas, 25163 Padang, Indonesia

ABSTRAK

Fokus artikel ini adalah untuk menghuraikan hubungan dan jaringan wartawan serta penerbitan dan percetakan di Semenanjung Tanah Melayu/Negeri-negeri Selat dengan Sumatera sebelum kemerdekaan Indonesia. Hubungan itu dilihat menerusi penglibatan masyarakat Sumatera dalam liputan dan isu aktiviti percetakan dan penerbitan di Semenanjung Tanah Melayu. Pada zaman penjajahan Belanda dan British, syarikat majalah dan surat khabar di Sumatera telah membuka agensi mereka di Semenanjung Tanah Melayu. Kajian ini menggunakan perspektif sejarah dengan merujuk kepada akhbar dan majalah semasa. Analisis yang digunakan ialah analisis sejarah dan naratif. Pengaruh aktiviti penerbitan di Semenanjung Tanah Melayu dapat dilihat dalam laporan wartawan Sumatera. Selain itu, isu-isu gerakan nasional Indonesia yang disiarkan di akhbar dan majalah turut mempengaruhi kemelut dan kesedaran nasionalisme di Semenanjung Tanah Melayu dan Negeri-Negeri Selat.

Kata kunci: Akhbar, hubungan, isu, majalah, Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera

Traces of Indonesia's Relations with the Malay Peninsula: The Role and Issues of Printing and Publication in Sumatera during Colonial Times

ARTICLE INFO

Article history:

Received: 23 October 2023

Accepted: 08 March 2024

Published: 28 May 2024

DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.32.S2.05>

E-mail addresses:

wannofrisamry@hum.unand.ac.id (Wannofri Samry)

donnysyofyan@hum.unand.ac.id (Donny Syofyan)

* Corresponding author

ABSTRACT

This paper focusses on the relationships and networking of journalists in the Malay Peninsula/Straits Settlement with Sumatra before Indonesia's independence. The relationship was seen from the involvement of the Sumatera community with the Malay

Peninsula in printing and publication coverage and issues. During the Dutch and British occupation, the magazine and newspaper companies in Sumatra opened their agency in the Malay Peninsula and the Straits Settlement. This study uses a historical perspective by referring to current press documents and magazines. The analysis used was historical and narrative. The influence of the Sumatran media can be seen in the reports of Sumatra journalists in the Malay Peninsula. In addition, the issues of the Indonesian national movement published in newspapers and magazines also influenced the turmoil and awareness of nationalism in the Malay Peninsula and the Straits Settlements.

Keywords: *Issues, Malay Peninsula, media, magazines, newspapers, relations, Sumatera*

PENGENALAN

Hubungan antara Indonesia dengan Semenanjung Tanah Melayu telah berlangsung sejak berkurun lamanya, baik dari aspek pengetahuan dan penerbitan maupun dari aspek pertumbuhan sejarah dan budaya, kekuasaan dan politik. Dari sisi kekuasaan dan politik dapat ditelusuri pada abad ke-7 semasa kerajaan Sriwijaya (Coedes et al., 2014) ataupun jauh ke belakang pada masa yang sukar dilihat batasan waktunya seperti yang dikemukakan dalam *Sejarah Melayu* (Winstead, 1998).

Selain hubungan sejarah dan budaya antara Indonesia dengan Semenanjung Tanah Melayu yang berlangsung berkurun lamanya, aktiviti penerbitan pun begitu sengit pada abad ke-20. Kedua-duanya saling mempengaruhi dan berinteraksi antara satu sama lain. Pengaruh bersama Semenanjung Tanah Melayu dan Indonesia, khususnya Sumatera dalam penerbitan terlihat sejak zaman penjajahan lagi. Hal itu tentu kerana rantau ini secara geografi terhubung dalam pelayaran dan perdagangan sejak dahulu kala. Hubungan Semenanjung Tanah Melayu dengan Kepulauan Melayu,

terutama Sumatera, dimungkinkan oleh laluan perkapalan dari Sumatera, Jawa dan Borneo melalui Singapura, Pulau Pinang dan Melaka. Pulau Pinang, Melaka dan Singapura merupakan tempat-tempat kemasukan orang Sumatera ke Semenanjung Tanah Melayu. Singapura semasa penjajahan Belanda dan Inggeris merupakan tempat persinggahan orang Islam menunaikan ibadah haji bagi penduduk dari Indonesia atau Hindia Belanda. Semua tempat itu menjadi tumpuan para pedagang dan peneroka dari Sumatera. Ketiga-tiga negeri tersebut merupakan tonggak ekonomi dan kemajuan di kepulauan Melayu. Di sinilah golongan cerdik pandai mula membiasakan diri dengan percetakan dan penerbitan, yang pengaruhnya merebak ke Semenanjung Tanah Melayu dan Indonesia (Putten, 1997; Rahmat, 1996; Roff, 2005, pp. 40–41).

Malah, akhbar yang diterbitkan di Semenanjung Tanah Melayu telah dipasarkan di Sumatera dan akhbar yang diterbitkan di Sumatera juga dipasarkan di Semenanjung Tanah Melayu. Di Sumatera Timur, sebagai contoh, pada akhir abad ke-19, anggota masyarakat yang berpendidikan di kawasan

ini mengikuti berita yang diterbitkan di Pulau Pinang dan Singapura yang dihantar melalui kapal dua kali seminggu (Said, 1976, pp. 4–5).

Sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Adam (1975), Proudfoot (1993) dan Putten (1997) menunjukkan bahawa penerbitan telah membangkitkan kebudayaan di dunia Melayu. Penerbitan buku dan surat khabar ataupun majalah telah memberikan hiburan, pengetahuan dan kesedaran akan identiti baharu dalam dunia Melayu. Dengan adanya percetakan, masyarakat mengenali kebudayaan Melayu secara lebih luas terutama dengan penerbitan sastera klasik dan informasi-informasi budaya lainnya. Kemudian penerbitan surat khabar berbahasa Melayu yang dimulakan pada abad ke-19 memberikan informasi yang lebih cepat dan semakin lengkap mengenai sejarah dan budaya pelbagai negeri. Hal itu tentu juga menghubungkan jiwa-jiwa dan minda mereka di dunia Melayu secara lebih luas, baik di kepulauan yang jauh di selatan dan timur maupun di Semenanjung Tanah Melayu dan Negeri Selat.

Hubungan antara Semenanjung Tanah Melayu dengan Indonesia adalah menarik untuk dikemukakan. Walaupun kawasan Melayu terbahagi dalam negara yang berbeza namun akhbar dan majalah tetap menyatukan jiwa dan minda mereka dalam ruang identiti kebudayaan yang relatif sama, iaitu Melayu. Hal ini dapat dilihat dalam penerbitan di Medan, Padang dan Pulau Penyengat, Riau. Hubungan ini pastinya berkaitan dengan hubungan budaya Melayu dan Islam. Interaksi dan pengaruh itu dapat

dilihat dalam tiga aspek: (1) penglibatan orang Sumatera dalam penerbitan di Semenanjung Tanah Melayu dan Negeri Selat, (2) interaksi dan pemasaran surat khabar dan majalah daripada kedua-dua kawasan, dan (3) jejak hubungan sejarah serta budaya.

KAJIAN LEPAS

Masalah penerbitan surat khabar dan majalah sama ada di Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu sebenarnya telah dikaji dan ditulis oleh beberapa pakar. Namun kajian-kajian itu belum menjelaskan mengenai jaringan akhbar di kedua-dua wilayah, baik dari aspek penglibatan orang Sumatera di Semenanjung maupun mengenai pemasaran surat khabar. Pada amnya, para pengkaji memfokuskan kepada satu wilayah, sama ada Sumatera ataupun Semenanjung Tanah Melayu. Beberapa kajian berkaitan yang dikemukakan termasuklah kajian Jan van der Putten (1997), yang mengkaji percetakan di Kepulauan Riau. Putten banyak menjelaskan tentang penglibatan Raja Ali Haji dalam percetakan di sana dan beberapa buku Ali Haji telah diedarkan di Semenanjung Tanah Melayu. Proudfoot (1993) juga menulis tentang penerbitan di Semenanjung Tanah Melayu dan membuat senarai 1000 buku yang diterbitkan di Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu. Adam (2003) menyelidiki perkembangan akhbar peribumi berbahasa Melayu di pelbagai tempat di Nusantara seperti di Jawa, Sumatera, Singapura, Malaysia dan Sri Lanka. Kajian ini juga mengaitkan perkembangan akhbar dengan kesedaran

kebangsaan di Indonesia. Satu lagi karya Ahmat Adam (1992), *Sejarah Bibliografi Akhbar dan Masalah Melayu Abad Kesembilan Belas* yang menerangkan secara ringkas perkembangan akhbar berbahasa Melayu di Nusantara dan dilengkapi dengan senarai penerbitan akhbar yang diterbitkan pada abad ke-19. Kedua-dua kajian ini penting untuk melihat kajian masa depan tentang penerbitan di Nusantara termasuk di Sumatera. Kajian lain daripada Adam (2012), *Soeara Minangkabau: Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah di Sumatera Barat*, bertolak daripada tiga tema utama, iaitu konflik antara adat dengan Islam, kemajuan dan polisi penindas daripada penjajah Belanda di Minangkabau. Oleh sebab kajian ini tertumpu kepada kewujudan penerbitan adat dan agama di Minangkabau, sudah tentu Adam tidak menghuraikan interaksi penerbit di dua wilayah Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu. Said (1976a, 1976b) menulis tentang perkembangan akhbar-akhbar di Sumatera Utara dari zaman penjajahan hingga Indonesia merdeka. Kedua-dua buku tersebut mengupas kaitan antara penerbitan di Sumatera Timur dengan Semenanjung Tanah Melayu, terutamanya dengan Pulau Pinang. Penulisan Said juga cukup penting untuk memulakan perbincangan tentang akhbar dan majalah di Sumatera Utara.

Interaksi antara wartawan di Sumatera dengan Semenanjung Tanah Melayu dapat dikesan sejak abad ke-19. Hubungan yang terjalin antara penduduk kedua-dua wilayah berkenaan sudah lama wujud. Beberapa sumber terhad menyebut wujudnya

hubungan intim antara penerbitan di kedua-dua negara seperti Hamzah (1991), Jaafar (dalam Kim & Baharuddin (1980, pp. 7-32), Noer (1973), Nyan (2009) dan Roff (2005). Karya-karya ini telah menunjukkan hubung kait penerbitan surat khabar dan majalah di Indonesia dan Semenanjung Tanah Melayu dan penglibatan orang-orang Sumatera dalam penerbitan. Jaringan penerbitan kedua-dua negara berkait dengan masalah-masalah politik-kultural dan ideologi. Penerbitan majalah *Al Moenir* (1911–1916) di Sumatera Barat berkait rapat dengan penerbitan *Al Imam* di Singapura. Sebagaimana *Al Imam*, *Al Moenir* di Sumatera Barat juga merupakan media kaum muda Islam, sebuah masyarakat yang menentang ortodoksi Islam. Kedua-dua majalah adalah sama-sama pembaharu media untuk masyarakat. Salah seorang editor majalah *Al Imam* yang diterbitkan di Singapura ialah Syeikh Taher Jalaluddin yang merupakan seorang pemimpin pemuda Islam, berasal dari Minangkabau. Syeikh Taher dilahirkan pada tahun 1869 di Koto Tuo, Ampek Angkek, Luhak Agam, Sumatera Barat. Ayahnya, Syeikh Muhammad bin Ahmad Jalaluddin/Tuanku Sami atau Syeikh Cangkiang, ialah seorang ulama. Selepas pulang dari Mekah pada tahun 1899, Syeikh Taher Jalaluddin pulang ke kampung halamannya dan kemudian berhijrah ke Semenanjung Tanah Melayu dan berkahwin dan meninggal dunia di sana. Pada tahun 1900, beliau dilantik oleh Sultan Idris Murshidi Muazzam Shah sebagai Mufti Perak (Hamzah, 1991, pp. 119–126).

Bluhm (1983) menjelaskan bahawa pengaruh Timur Tengah dalam penerbitan dalam kalangan reformis Islam di Semenanjung Tanah Melayu adalah sangat besar. Sepanjang tahun 1896–1936 telah wujud interaksi yang mendalam antara editor *Al Manar* di Mesir dan *Al Imam* (1906) yang diterbitkan di Singapura. Editor majalah tersebut telah bertukar-tukar surat, pendapat dan pelbagai maklumat kerana surat-menyurat itu selalu diterbitkan di *Al Manar* dan penerbitan itu dihantar ke Minangkabau oleh Syeikh Taher. Idea ini diduga mempengaruhi kebangkitan Islam di Minangkabau. Sehingga murid-murid Syeikh Taher di Minangkabau, seperti Haji Abdullah Ahmad dan rakan-rakannya turut menerbitkan *Al-Munir* (1911) sebagai medium pembaharuan Islam di sana. Dalam *Al Moenir*, surat-menyurat sentiasa disiarkan antara editor *Al Manar* dengan *Al Imam* dalam versi bahasa Melayu dalam tulisan Rumi (Noer, 1980, pp. 42-44; Mustajab, 1975, p. 146).

Di Sumatera Utara, pada penghujung abad ke-19, golongan terpelajar masih banyak bergantung kepada penerbitan kolonial di Semenanjung Tanah Melayu terutamanya terbitan daripada Pulau Pinang. Sebelum terbitnya *Deli Courant* (18 Mac 1885) yang diuruskan oleh Jacques Deen, masyarakat Sumatera Utara membaca akhbar yang diterbitkan di Singapura dan Semenanjung Tanah Melayu, iaitu *Pinang Gazette*, *Singapore Free Press* dan *Singapore Daily*. Akhbar-akhbar itu dibawa ke Pelabuhan Belawan, Medan dengan menggunakan khidmat kapal yang selalu

datang dua kali seminggu (Said, 1976a, pp. 4-6; Tjokrosisworo, 1958, p. 235).

Ada beberapa kajian lain yang menarik yang menunjukkan hubungan Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera seperti karya klasik sejarawan Adam (1975), *The Vernacular Press in Padang, 1865–1913*. Adam memfokuskan kajiannya pada akhbar peribumi di pantai barat Sumatera. Dalam kajian itu, Adam menghuraikan mengenai pengaruh *Al Imam* (1906) yang diterbitkan di Singapura terhadap penerbitan *Al Moenir* (1911) yang diterbitkan di Padang. *Al Imam* dan *Al Moenir* merupakan akhbar yang diterbitkan oleh Kaum Muda atau pembaharu Islam yang berorientasi ke Timur Tengah. Kedua-duanya terinspirasi oleh *Al Imam* pimpinan Syeikh Rasyid Ridha.

Beberapa kajian lain berkaitan dengan hubungan antara Semenanjung Tanah Melayu dengan Sumatera dihuraikan secara terpisah oleh beberapa penulis. Noer (1980, p. 42) yang mengkaji mengenai Islam moden di Minangkabau secara jelas mengemukakan bahawa pengaruh majalah *Al Imam* yang terbit di Singapura ditiru oleh *Al Moenir* yang diterbitkan di Padang. Bahkan tidak sedikit kandungan *Al Moenir* diambil daripada *Al Imam*.

Tulisan lain yang menarik mengenai akhbar *Al Imam* ialah karya Hamzah (1991) dengan tajuk *Al Imam Its Role in Malay Society 1906–1908*. Hamzah mengatakan bahawa *Al Imam* merupakan suatu majalah pembaharu berbahasa Jawi yang diurus oleh para editor yang berasal daripada Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu. Pengaruh majalah ini sampai ke Sumatera,

terutamanya Minangkabau. Mengikuti semangat *Al Imam* maka diterbitkan pula *Al Moenir* di Padang. Jaafar (1980) juga menulis mengenai majalah *Al Imam*. Jaafar menjelaskan mengenai pentingnya *Al Imam* dalam memperjuangkan orang Melayu, sama ada dalam bidang sosial, ekonomi ataupun politik.

Kajian lain tentang peranan akhbar di Semenanjung Tanah Melayu ditulis pula oleh Nyan (2009) dengan tajuk *Akhbar Saudara Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*. Nyan menunjukkan mengenai peranan orang Sumatera dan Jawa dalam memajukan persuratkabar di Semenanjung Tanah Melayu. Namun begitu tumpuan kajian ini sebenarnya adalah mengenai peranan *Akhbar Saudara* dalam memajukan orang Melayu.

Pakar lain yang juga meneliti perkaitan antara Sumatera dengan Semenanjung Tanah Melayu ialah Roff (2005). Kajian Roff sebenarnya memfokuskan pertumbuhan nasionalisme di Semenanjung Tanah Melayu. Namun begitu Roff mendedahkan beberapa pengaruh ideologi dari Indonesia ke Semenanjung Tanah Melayu terutamanya daripada media Sumatera. Terdapat sekurang-kurangnya dua bab yang menghuraikan mengenai pengaruh media dan ideologi dalam kajian Roff.

Kajian terbaru mengenai akhbar Sumatera Utara ialah tulisan Azhari et al. (2023), “*The role of newspapers published in North Sumatera during Indonesia's Independence struggle between 1916–1925: A discourse analysis.*” Kajian ini menghuraikan perkembangan surat khabar dan majalah di utara Sumatera dari perspektif

nasionalisme semasa zaman kolonial Belanda. Azhari menggunakan analisis kritikal untuk membaca kandungan media. Agustono et al. (2021) menulis “*Benih Merdeka in the Political Movement in East Sumatera, 1916–1923*” yang menjelaskan peranan *Benih Merdeka* dalam gerakan politik di Sumatera Timur dari tahun 1916 hingga 1923. Keputusan menunjukkan bahawa banyak artikel di *Benih Merdeka* kerap mengkritik isu kolonialisme dan kapitalisme yang berlangsung di tengah-tengah kemiskinan di Sumatera. Kedua-dua kajian ini mengabaikan berita-berita dan hubungan dengan Semenanjung Tanah Melayu, sesuatu aspek yang dilupakan.

Kajian Zakaria (2005) “*Islamic Reform in Malaya: Contribution of Syeikh Taher Jalaluddin*” membincangkan pemikiran Taher Jalaluddin, putera Minangkabau yang menyertai pelancaran pembaharuan Islam di Semenanjung Tanah Melayu. Beliau terlibat dalam perdebatan menentang Kaum Tua yang dianggap menyimpang daripada Al-Qur'an dan Sunnah. Selain itu, Othman dan Haris (2015) menulis “*The Role of Egyptian Influences on the Religious Dynamics and the Idea of Progress of Malaya's Kaum Muda (Young Faction) before the Second World War.*” Kajian ini menjelaskan peranan kaum reformis yang berpusat di Timur Tengah dan pengaruhnya terhadap dunia Melayu melalui pendidikan di surau dan madrasah serta percetakan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan sejarah dan media dalam memberi perhatian

mengenai hubungan Indonesia, khasnya Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu. Ada beberapa tahap yang dilakukan, pertama, penelusuran sumber-sumber media yang diterbitkan pada masa penjajahan Belanda di Indonesia dan kemudian melihat kajian yang ada di Malaysia. Sumber-sumber itu dikritik dengan cara menyiasat kandungan media berkenaan. Sumber-sumber yang digunakan dalam kajian ini ialah akhbar dan majalah yang diterbitkan di Sumatera pada zaman penjajahan Belanda. Sumber-sumber yang digunakan ialah sekunder dan primer. Sumber-sumber tersebut didapati dan diselidiki di Perpustakaan Negara Indonesia (Jakarta), Perpustakaan Pusat Pengajian Sejarah dan Sains Sosial (PUSSIS) Universiti Negeri Medan dan Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pembacaan kandungan media dalam artikel ini menggunakan analisis naratif, wartawan sebagai narator dan sama ada akhbar ataupun majalah sebagai media (Eriyanto, pp.111–128). Melalui narator atau pencerita, peristiwa dan kesan disampaikan kepada pembaca. Wartawan sebagai pencerita, menulis dari sudut pandangan orang pertama “aku” dan menyajikan kepada khalayak. Seterusnya, mereka menulis sebagai orang ketiga iaitu dengan mewawancara orang lain mengenai peristiwa atau kejadian. Melalui naratif yang disiarkan dalam akhbar maka isu-isu semasa yang berkembang dapat dilihat. Naratif itu terdiri daripada fakta-fakta sejarah mengenai hubungan orang Melayu Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu.

Naratif dapat dilihat dari aspek objektif dan subjektif. Dalam naratif objektif, khalayak ditempatkan berjarak dengan peristiwa. Dalam hal itu pencerita berada di luar dan tidak terlibat secara emosional. Maknanya pencerita atau wartawan sebagai orang lain yang menceritakan peristiwa. Mereka bukan sebahagian daripada peristiwa tetapi sebagai salah satu karakter yang menceritakan peristiwa itu. Dalam naratif subjektif, khalayak menjadi sebahagian atau turut serta dalam naratif. Wartawan dalam hal ini terlibat secara emosi dan seakan-akan dirinya ada di dalam peristiwa itu. Pada bahagian lain naratif dapat juga dilihat dari sisi *telling* (menceritakan) dan *showing* (menunjukkan). Dalam konteks ini, naratif dapat dilihat dari sisi sajian berita belaka atau wartawan membuat kesimpulan terhadap sesuatu peristiwa (Eriyanto, pp.118–124).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

A. Sumatera–Semenanjung Tanah Melayu dan Penerbitan

Hubungan antara Semenanjung Tanah Melayu dengan Indonesia sudah terjalin semenjak berabad lamanya, terjalin dalam satu budaya Melayu yang beragam tetapi mempunyai asal usul yang satu. Wilayah Indonesia yang terdiri daripada pelbagai pulau yang sering disebut sebagai Kepulauan Melayu. Dari sudut sejarah, mereka pernah dikuasai oleh Sriwijaya dan Majapahit yang kemudian dikuasai pula oleh Kesultanan Riau-Johor dan Lingga serta Melaka. Pada tahun 1824, Semenanjung Tanah Melayu dan Indonesia dipisahkan

oleh Perjanjian London. Semenanjung Tanah Melayu dikuasai oleh Inggeris dan kepulauan-kepulauan Melayu yang kemudian menjadi Indonesia dikuasai oleh Belanda. Namun begitu, hubungan budaya, sosial dan politik kedua-dua wilayah masih terus terjalin sehingga Indonesia, Malaysia dan Singapura terpisah dalam negara yang berbeza. Kedekatan sejarah dan budaya itu menjadikan migrasi dari Indonesia ke Semenanjung Tanah Melayu tidak berhenti sehingga kini.

Dari aspek politik, Semenanjung Tanah Melayu sering menjadi tempat pelarian bagi para pejuang Indonesia. Dari Semenanjung, mereka berinteraksi dan mempengaruhi para aktivis di sana sehingga pengaruh pergerakan nasional Indonesia tidak dapat dielakkan. Ibrahim Yaacob ialah perjuang kemerdekaan yang sangat dikenali sama ada di Malaysia mahupun di Indonesia. Beliau mengikuti pemikiran dan gerakan politik Soekarno (Presiden pertama Indonesia) sejak tahun 1930-an. Sebagai pelajar di Sultan Idris College Tanjung Malim (1928–1931), beliau menjadi anggota Partai Nasional Indonesia (PNI) yang berpusat di Bandung. Pada tahun 1937, Ibrahim Yaacob mendirikan Kesatuan Melayu Muda (KMM) bersama Dr. Burhanuddin Al-Helmy. Pada tahun 1945, beliau juga menubuhkan Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) dan memimpin Malay Nationalist Party (MNP) pada tahun 1950. Selain itu, beliau juga Ketua Editor *Warta Malaya* (Yaacob, 1957).

Pandangan Ibrahim Yaacob bahawa kemerdekaan Malaya sangat penting bagi

Indonesia telah menjadi kunci penting untuk seluruh Asia Tenggara. Sepanjang Semenanjung Tanah Melayu masih dijajah, pembangunan nasional di seluruh Asia Tenggara terancam. Alasannya, Semenanjung Tanah Melayu ialah tanah asal orang-orang Melayu yang menghuni seluruh kepulauan Melayu. Semangat untuk bersama dalam satu Indonesia Raya terus bergelora dalam kalangan para pejuang nasionalis di Semenanjung Tanah Melayu oleh tokoh-tokoh mereka seperti Ibrahim Yaacob, Ahmad Boestamam, Burhanuddin Al-Helmy dan lain-lain. Idea ini bukan muncul tiba-tiba tetapi sudah ada sejak penubuhan Djamaah al Chairiah al-Talaboiyya al-al Azhariah al-Djawiah di Kaherah yang diikuti oleh pelajar-pelajar Indonesia dan Semenanjung Tanah Melayu pada awal abad ke-20. Gagasan ini diteruskan oleh KMM dan KRIS (Liow, 2005, p. 5476; Yaacob, 1957).

Pada 28 Oktober 1928 di Indonesia, para belia telah bersepakat dalam tiga perkara: (1) bertanah air satu tanah air Indonesia, (2) berbangsa satu bangsa Indonesia dan (3) menjunjung bahasa Indonesia sebagai penyatuan. Perkara ini menarik perhatian para pejuang nasionalis daripada Semenanjung Tanah Melayu yang ingin melepaskan diri daripada penjajahan Inggeris. Namun begitu, kesedaran nasional dalam kalangan orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu terpecah dua: (1) kesedaran nasional yang menuntut Malaya untuk orang Melayu yang diikuti oleh kelompok elit *borjuis-feodalis*, elit kerajaan dan terpelajar yang

sudah terdesak dan (2) kesedaran nasionalis yang memperjuangkan kemerdekaan untuk seluruh kaum tertindas. Mereka ini melahirkan gagasan kesatuan nasional Indonesia Raya yang menginginkan semua suku Melayu bersatu untuk kemerdekaan bersama (Yaacob, 1957, p. 21).

Di Semenanjung Tanah Melayu sebagaimana juga di Indonesia, gerakan radikal dan pergerakan nasional juga turut digerakkan oleh komunis. Di Negeri-negeri Selat pada amnya gerakan ini digerakkan oleh imigran Cina dari Tiongkok. Kaum nasionalis Tionghoa menganggap bahawa Malaya dan Singapura ialah wilayah kesebelas daripada Tiongkok. Ini membuat orang Melayu curiga kepada nasionalis Tionghoa. Anti-Tionghoa meluas di Semenanjung dan diberitakan di surat khabar Melayu. Sementara kaum India, Arab dan Eurasian juga menuntut hak politik mereka di Malaya. Perpecahan antara kaum ini telah menghambat penyatuan nasional di Semenanjung Tanah Melayu.

Sistem pendidikan Eropah sudah bermula di Indonesia sejak abad ke-19, sementara di Negeri-negeri Selat, pendidikan Inggeris telah bermula dengan pembukaan Penang Free School pada 1816 sebagai sekolah Inggeris pertama (Abdullah et al., 2020). Pada masa itu, beberapa orang ahli politik dan tokoh dari Semenanjung Tanah Melayu seperti Aisyah Ghani dan Keris Mas pergi ke Sumatera untuk menuntut ilmu. Pendidikan yang diterima telah memberikan semangat kepada gerakan nasional dan penerbitan akhbar dan majalah di kedua-dua wilayah.

Dari aspek penerbitan akhbar dan majalah, penglibatan orang Sumatera di Semenanjung Tanah Melayu sudah berlaku sepanjang abad ke-20. Para penerbit dan wartawan menjadi bahagian yang tidak terpisahkan dalam perkembangan kewartawanan dan nasionalisme di Semenanjung Tanah Melayu. Akhbar daripada Indonesia mempengaruhi pergerakan tokoh-tokoh di Semenanjung Tanah Melayu dan mempengaruhi sikap politik mereka. Hal itu terlihat pada Kesatuan Melayu Muda (KMM) dan Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) yang dipengerusikan oleh Ibrahim Yaacob dan Burhanuddin Al-Helmy.

Interaksi yang kuat antara penerbit dengan wartawan Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu lebih ketara selepas dekad kedua abad ke-20. Pada masa itu Sumatera sedang mengalami pertumbuhan yang pesat dalam aspek sosial dan politik. Kemajuan yang meningkat itu disertai oleh pengembangan ekonomi dan politik akhbar dan majalah. Dari segi ekonomi, pembangunan syarikat penerbitan akhbar semakin bertambah baik. Ini juga digambarkan dengan peningkatan bilangan iklan, pekerja dan pendapatan kewangan (Samry, 2013).

Pada zaman kegemilangan 1930-an, terdapat banyak akhbar dan majalah yang diterbitkan di utara Sumatera yang membuka agensi di pelbagai negara seperti di Eropah dan Semenanjung Tanah Melayu. Pemasaran akhbar dan majalah terbitan Sumatera ke Semenanjung Tanah Melayu amat penting kerana mempunyai latar

belakang sosiobudaya yang agak sama. Bahasa Melayu Sumatera dapat difahami oleh majoriti penduduk di Semenanjung Tanah Melayu disebabkan oleh penghijrahan sebahagian penduduk di Sumatera sejak berabad-abad lalu. Kedua-dua aspek ini penting untuk pemasaran akhbar dan majalah yang diterbitkan di Sumatera.

Pada awal abad ke 20, perkembangan akhbar di Semenanjung Tanah Melayu agak perlahan berbanding di Sumatera dan hal ini diakui oleh beberapa wartawan semasa. Manakala pada tahun 1930-an, syarikat penerbitan surat khabar dan majalah dari Sumatera sangat luas. Atas sebab ini, syarikat penerbitan membuka ejen mereka di Kuala Lumpur dan Singapura. Beberapa ejen yang dapat disenaraikan ialah ejen terbitan N.V. Sjarikat Tapanoeli di Singapura, iaitu V. Sulaiman & Co Arab Street 126 dan ejen di Semenanjung Tanah Melayu iaitu Yahya Mohd Arief, Bookseller and News Agents, Kuala Kangsar. Ejen

Pandji Islam di Singapura iaitu DPA Murad, 27 Winchenster House PO Box 301, Singapura (Jadual 1). Berdasarkan berita *Pandji Islam* tahun yang disiarkan pada 11 Ogos 1941, Singapura telah menjadi ejen utama untuk seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Pengiriman pembayaran daripada ejen kepada syarikat penerbitan sering dilakukan melalui Bank Nasional di Ford de Kock (Bukit Tinggi). Pada Tahun 1938, pelanggan *Pandji Islam* melalui ejen V. Suleiman di Singapura mencapai 1026 pelanggan (Samry, 2013, p. 111).

Sambutan pembaca dan peluang pemasaran di Semenanjung Tanah Melayu sebenarnya sangat baik tetapi kadangkala terhalang oleh kesukaran pengangkutan. Pada pertengahan tahun 1940 hingga awal 1941, langganan majalah *Pandji Islam* tidak berjalan lancar. Masalah ini dikesali oleh pembaca di Semenanjung Tanah Melayu. Ramai yang menulis surat kepada *Pandji Islam* supaya majalah ini dapat

Jadual 1
Ejen akhbar dan majalah di Negeri-negeri Selat

Akhbar/Majalah	Nama Ejen	Bandar
Pewarta Deli	V Sulaiman & Co Arab Street 126 Yahya Mohd Arief, Books Seller and New Agents	Singapura Kuala Kangsar
Abad XX	V Sulaiman & Co Arab Street 126 Yahya Mohd Arief, Books Seller and New Agents	Singapura Kuala Kangsar
Pandji Islam	DPA Murad V Sulaiman	27 Winchenster House PO Box 301, Singapura
Pedoman Masjarakat	V Sulaiman & Co Arab Street 126 Yahya Mohd Arief, Books Seller and New Agents	Singapura Kuala Kangsar
Seruang Kita	Idris Burhan 15 Dunlopstreet Penang S.S. V Sulaiman, Arab Street	Pulau Pinang Singapura

Sumber: Agent2 dan pembaca seluroh Malaya (1941), Abad 20 bisa dapat ketengen atau berlanggan pada kita poenja agent-agent (1940), Segenap Pentjinta PI di Malaya (1941), NV Handel Mij & Drukkerij Sjarikat Tapanoeli (1939), Harga langganan (1941) dan Samry (2010)

disampaikan kepada mereka. Dalam satu isu keluarannya, *Pandji Islam* menjelaskan keadaan tersebut:

Soedah lebih 6 boelan lamanja, terhitung dari boelan Mei '40 jang terkenal, perhoeboengan antara kami dengan petjinta P.I. di Malaya, boleh dikata hampir poatoes sama sekali. Pengiriman P.I. ke Malaya dan keloear negeri seloeroehnya sangatlah sempit djalanna, sedang pengiriman oeang dari Malaya ke Indonesia sangat poela dibatasi. Storan oeang langganan dan agenten hampir poatoes sama sekali. Soenggoehpoen begitoe, kami tidak berpoatoes asa, senantiasa mentjari djalan. Apalagi soerat2 dari Malaya bertimboen banjaknja meminta soepaja kami mengichtiarkan agar P.I. dapat diterima sebagai biasa (Segenap Petjinta P.I. Malaya, 1941).

Dapat dilihat bahawa penjualan majalah di Semenanjung Tanah Melayu tidak mudah berikutan masalah penghantaran wang daripada pelanggan melalui ejen tidak lancar. Pelanggan lambat membayar yuran dan pengiriman wang menerusi ejen ke Indonesia agak sukar kerana kekurangan pengangkutan yang lancar. Pada tahun 1930, wang dari Semenanjung Tanah Melayu dan kawasan sekitarnya dapat dihantar melalui Bank Nasional yang ada di Bukit Tinggi untuk seluruh Sumatera. Walaupun begitu, ia memerlukan masa untuk sampai kepada penerbit.

B. Kesan dan Naratif Media Sumatera Tentang Semenanjung Tanah Melayu

Jaringan penerbitan di dunia Melayu terutamanya Semenanjung Tanah Melayu dan Indonesia (dulu dikenal dengan Hindia Belanda) telah terbina sejak lama. Roff (2005, pp.46–47) telah menghubungkan penerbitan ini dengan penggunaan penerbitan kitab-kitab berbahasa Arab di Aceh sekitar akhir abad ke-16 dan ke-17. Namun begitu, bukti percetakan dapat ditelusuri pada cetak batu di Singapura yang kemudian berkembang ke Pulau Penyengat di kepulauan Riau. Hal ini terbukti dengan penerbitan akhbar *Jawi Peranakan* di Singapura pada tahun 1876 (Putten, 1997, p.728). Akhbar *Jawi Peranakan* mempunyai wakil di pelbagai tempat di Semenanjung Tanah Melayu, Medan, Deli, Padang, Singkel di Sumatera dan Riau serta wilayah lain di dunia Melayu seperti Borneo dan Pattani. Surat khabar ini melaporkan pelbagai situasi di wilayah-wilayah wakilnya untuk disiarkan. Siaran-siaran ini telah memberi impak terhadap pembangunan bahasa Melayu (Roof, 2005, p. 53).

Situasi pada masa akhir abad ke-19 sememangnya berbeza berbanding selepas dekad kedua abad ke-20 dengan perkembangan pendidikan sangat jauh meningkat. Begitu juga dengan perkembangan pergerakan politik dan aktiviti penerbitan buku, akhbar dan majalah. Penerbitan di Indonesia, selain digerakkan oleh pihak swasta, ia turut disokong oleh pemerintah dengan penubuhan Balai Pustaka tahun 1917. Pada mulanya, Balai Pustaka ditubuhkan adalah untuk mengawal

selia aktiviti penerbitan peribumi ke arah bukan politik. Peranan Balai Pustaka sangat penting dalam pengembangan bacaan dan pengetahuan dalam kalangan masyarakat peribumi. Pengaruh Balai Pustaka bukan sahaja terhadap peribumi di Hindia Belanda/Indonesia tetapi juga terhadap Semenanjung Tanah Melayu. Sultan Idris Training College (SITC), Tanjung Malim, salah satu perguruan yang berkembang di Semenanjung Tanah Melayu pada tahun 1920-an, di bawah kepimpinan O.T. Dussek telah membeli buku-buku daripada Balai Pustaka. Buku-buku pengarang Sumatera di SITC telah menjadi inspirasi sebahagian pelajar di Semenanjung Tanah Melayu, antaranya buku karangan Merari Siregar, Marah Rusli, Rusli, Nur Sutan Iskandar dan Rusli (Roff, 2005, pp.153-157). Selain itu, mereka juga melanggan akhbar dan majalah yang terbit di Sumatera dan berpeluang mengikuti peristiwa-peristiwa sosial politik yang berlaku di Sumatera termasuk penentangan kaum nasionalis Indonesia terhadap kolonial Belanda. Bahan bacaan yang berasal daripada Indonesia telah menjadi inspirasi perkembangan gerakan nasional di Semenanjung Tanah Melayu. Hala tuju gerakan nasionalis Indonesia turut dikembangkan oleh tokoh nasionalis di Semenanjung Tanah Melayu. Tokoh yang sangat mendukung gerakan nasionalis Indonesia ialah Ibrahim Yaacob (Roff, 2005, p. 286; Yaacob, 1957).

Pada amnya kaum tua di Negeri-negeri Selat dan Semenanjung Tanah Melayu lebih suka membaca akhbar dan majalah dalam bahasa Jawi. Ahmad (1941) mengatakan

bahawa surat khabar yang ditulis dalam huruf Romawi pada amnya dibaca secara meluas oleh kaum muda Semenanjung Tanah Melayu. Pada tahun 1941, sekurang-kurangnya terdapat lima akhbar harian berbahasa Melayu, iaitu *Warta Malaya* (Singapura), *Utusan Melayu* (Singapura), *Lembaga* (Johor), *Majlis* (Kuala Lumpur) dan *Warta Kinta* (Ipoh). Selain *Sahabat Pena* (tiga kali seminggu) dan akhbar *Saudara* (dua kali seminggu) (Ahmad, 1941). *Warta Malaya* pernah menjadi lebih radikal ketika Ibrahim Yaacob menjadi ketua pengarang sehingga beliau ditahan oleh Inggeris tahun 1941 (Yaacob, 1957, p. 5).

Beberapa akhbar di Negeri-negeri Selat dan Semenanjung Tanah Melayu pula menulis beberapa kesan khusus mengenai penerbitan akhbar di Sumatera. Dalam akhbar *Sahabat*, yang diterbitkan di Pulau Pinang sejak 15 Februari 1939, pernah memberitakan *Seruan Kita* (yang terbit di Medan). Pada tahun 1939, majalah *Sahabat* diasuh oleh Syed Ahmad bin Shikh. Akhbar ini ditulis dengan huruf Jawi dan dicetak di Al-Huda Press Pulau Pinang, mengandungi 44 halaman, diterbitkan tiga kali seminggu (Ahmad, 1980, p. 59). Berita majalah *Sahabat* sebagaimana dikutip oleh *Seruan Kita* adalah sebagai berikut:

Majalah Seruan Kita dipimpin dan dikemudikan oleh Inche Mohammad Said bekas pengemoedi madjallah Penjedar, jang terkenal tadjam penanja karena kepentingan am. Dengan koendjoengan 28 moeka soerat memakai kertas

berkilat dan bergambar2 siasat loear negeri, makan otak, pemandangan minggoean, soal tanah air dan oegama, etc.etc. (Ma'loemat, 1939).

Suara Malaysia Penang yang dipimpin M. Samin Tayeb juga memberikan penghargaan terhadap *Seruan Kita* (Medan) yang disiarkan pada 3 Ogos 1939. Akhbar yang diterbitkan oleh The Phoenix Press ini begitu kagum dengan penampilan gambar yang sangat cantik dalam *Seruan Kita* kerana mempunyai kualiti seni yang dalam. selain kandungannya yang beragam (Ma'loemat, 1939).

Pada sekitar tahun 1930-an, beberapa wartawan dan pengarang dari Sumatera telah melancang ke beberapa tempat di Semenanjung Tanah Melayu. Ada beberapa catatan mengenainya yang ditulis oleh mereka. Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa kesan itu sungguh subjektif walaupun ada sebahagian yang benar. Pada tahun 1936, Adikartanegara seorang wartawan dari Sumatera berasa hairan melihat Semenanjung Tanah Melayu berlainan dengan yang dibayangkan dan didengari selama ini. Beliau membayangkan Semenanjung Tanah Melayu didominasi oleh penduduk Melayu sahaja tetapi ternyata ketika lawatannya ke sana, terdapat pelbagai kaum yang telah bermukim ("Serba serbi dari Malaya," 1940a; "Serba serbi dari Malaya", 1940b); "Serba serbi dari Malaya", 1940c).

Selain itu, penduduk di Semenanjung Tanah Melayu cukup sejahtera walaupun dikuasai oleh Inggeris yang memperhatikan kesejahteraan rakyatnya. Bahkan boleh

dikatakan bahawa penduduk di Semenanjung Tanah Melayu dimanjakan oleh kerajaan sehingga tidak perlu berkerja keras. Adikartanegara menuliskan pengalamannya perjalanan ke Melaka dalam *Pedoman Masjarakat*, 20 Januari 1936 seperti berikut:

Pendoedoek Melajoe di Semenandjoeng kalau boleh dibilang begitoe, adalah njenjak tidoer oleh karena lagoe nina bobok. Bagaimana di bilang begitoe? Karena perihal mendjalankan agama ta' ada gangoean, bahkan mendapat bantoean. Ja! Soenggoehpoen matjam djalan agama itoe moesti menoeroet atoeran jang berkoeasa. Tapi boekan itoe djoega agama? Tjoega ta' ada kemerdekaan masing-masing orang oentoek mempergoenakan akal fikirannja.

Dimana-mana mesjid-poen orang bersembahjang dikipas poela dengan kipas listrik. Goeroe mengadji djika membatja kitab di kelilingi oleh sekalian moeta'alim jang doedoek dengan toendoek kepala dan tepekoernja. Goeroe doedoek di atas kasoor di kelilingi oleh bantal2 . Diatas madjlis itoe-poen berpoetarlah kipas listrik. Tiada dibenarkan seseorang mengadjar, selain jang dapat besluit keradjaan. Tiada dibenarkan seseorang bersarah—pidato dimoeka ramai—melainkan dengan seizin Soelthan. Begitoe djoega ta' boleh seseorang goeroe

mengdjar doedoek diatas koersi, sedang orang2 sama doedoek bersila. (Adikartanegera, 1936).

Pemerintah British mempunyai strategi penempatan bangsa Melayu yang berbeza dibandingkan dengan bangsa asing. Bangsa Melayu tidak ditempatkan sebagai pekerja kasar di pertambangan dan di kilang-kilang tetapi mereka diangkat menjadi polis, pemandu dan pegawai. Walaupun bangsa Melayu diistimewakan secara sosial namun polisi kolonial tidak menguntungkan dalam pendidikan Bumiputera Melayu. Itulah sebabnya mereka jarang mendapatkan kedudukan tinggi. Ini merupakan sebahagian catatan Zainal Abidin Ahmad (wartawan *Pandji Islam* Medan) ketika melawat Semenanjung Tanah Melayu pada tahun 1940. Berita perjalanan beliau disiarkannya dalam *Pandji Islam*. Menurut pendapat beliau, “Jika orang memperhatikan kehidupan bangsa Melayu pada masa ini, sungguh sangat menyesalkan sekali, kerana ke atas ke bawah mereka tidak mempunyai jejak yang kuat” (Ahmad, 1940).

Kondisi ini mendesak sebahagian elit di Semenanjung Tanah Melayu untuk mencontohi gerakan-gerakan kebangsaan yang ada di Indonesia. Semangat kebangsaan yang berkobar-kobar di Indonesia mengalir dengan hebatnya di Tanah Semenanjung Melayu. Berdasarkan pemerhatiannya, Zainal Abidin Ahmad mendapati bahawa beliau tidak melihat seseorang pun wanita Melayu di Semenanjung Tanah Melayu yang berjalan kaki sendirian di jalan raya, juga tidak ada yang menaiki kenderaan sendiri. Berbeza dengan wanita Indonesia, Tionghoa

dan Eropah yang suka keluar rumah seorang diri. Dari sudut penerbitan akhbar dan majalah, beliau menganggap bahawa Semenanjung Tanah Melayu ketinggalan, termasuk juga cara berfikir pengarang-pengarangnya. Tetapi bagi Adikartanegara, menerusi catatannya menyatakan bahawa orang Melayu penganut Islam yang taat. Beliau menyaksikan masjid selalu penuh apabila tiba waktu solat. Pada waktu zuhur, orang awam dan pegawai ramai ke masjid. Kesaksian beliau, anggota polis berbaris membunyikan muzik menuju ke masjid.

...perjalanan agama mendapat sokongan, itoelah jang sangat terpoedji. Segala orang Melajoe mestilah mengerdjakan sjari'at agamanja. Lebih2 sembahjang dan poeasa. Saja lihat pada tiap waktoe zhoehoer, mesjid poen penoeh dengan orang2 kantoor sama sembahjang ber kaum-kaum. Pada hari Djoemat, dari tangsi poen berbarislah polisi2 (baca: polis) itoe dengan tamboer, trompet dan muziek-nja, mengondjoengi mesjid oentoek berdjoemat. (Adikartanegara, 1936).

Penerapan syariat agama Islam di Semenanjung Tanah Melayu memang agak berbeza dengan di Sumatera. Kerajaan sangat ketat mengawal penduduk yang beragama Islam. Sesiapa sahaja yang tidak berpuasa ditangkap oleh polis dan dihukum. Polis mengikat dengan tali para pembangkang syariat itu kemudian dipaksa makan rumput (Adikartanegara, 1936).

Ketatnya kawalan kerajaan mengakibatkan pergerakan rakyat di Semenanjung Tanah Melayu tidak sehebat yang ada di Indonesia, khususnya Sumatera. Oleh itu, tidak ada organisasi politik radikal yang berkembang hingga tahun 1930-an. Gerakan rakyat lebih menyokong pergerakan elit dan kerajaan, sebab rakyat patuh kepada raja dan pemimpin mereka (Bakar, 1984; Roff, 2005). Namun usaha kemerdekaan dan pembangunan identiti baharu terus terjalin sesama pelajar-pelajar Melayu (Indonesia dan Malaysia) di Kaherah (Mesir). Othman b. Abdulllah, bersama pelajar-pelajar Indonesia telah menyuarakan hak-hak penduduk Melayu. Kumpulan pelajar berkenaan pada tahun 1925 dan tahun 1927 menerbitkan *Seruan Azhar* dan *Pilehan Timor* (Roff, 2005, pp. 284–286). Pada tahun 1930, Ibrahim Yaacob menubuhkan *Belia Malaya* di Sultan Idris Training College (SITC). Inilah kumpulan politik dan kebudayaan yang paling tegas menentang kolonial Inggeris pada waktu itu di Semenanjung Tanah Melayu. Mereka ini meniru gerakan politik yang berkembang di Indonesia. Apabila kegelisahan penduduk Melayu terus tersebar dalam pelbagai akhbar dan majalah, maka pada tahun 1938, Ibrahim Yaacob, yang juga seorang guru, telah menubuhkan Kesatuan Melayu Muda (KMM) bersama kawan-kawannya. KMM menunjukkan semangat yang radikal dan mempunyai visi yang lebih jelas dibandingkan KMS yang sudah ditubuhkan di Singapura pada tahun 1926. Tujuannya adalah untuk membangkitkan kesedaran kebangsaan seluruh penduduk,

termasuk masyarakat kalangan bawah. Para pendukung gerakan ini jelas dipengaruhi oleh gerakan politik yang ada di Jawa dan Sumatera yang pada tahun 1930-an (Roff, 2005, p. 282).

Zainal Abidin Ahmad, Ketua Pengarang *Pandji Islam* (Medan) turut mempengaruhi perkembangan politik di Malaya (Bakar, 1984) dengan cara yang berbeza berbanding Adikartangera. Di Singapura, berdasarkan pernyataan Abdur Rahim Kajai (Ketua Pengarang *Utusan Melayu*), semangat kebangsaan penduduk di Semenanjung Tanah Melayu sedang menaik pada tahun 1940. Mereka mulai sedar akan pentingnya erti nasionalisme dan kebangsaan. Abdur Rahim Kajai mengemukakan kepada Zainal Abidin Ahmad (editor *Pandji Islam*) bahawa “Semangat kebangsaan ini sentiasa dikobar-kobarkan oleh perhimpunan ‘Kesatoean Melayu’, sebagai satu-satunya perhimpunan kebangsaan Melayu yg terbesar pada masa ini” (*Pandji Islam* 13 Mei 1940, no.18/19). Zainal Abidin Ahmad mencatatkan:

Bangsa Melayu mulai mengerti akan nasib mereka, makin lama semakin terdesak oleh bangsa asing jang datang sehingga mereka di dalam tanah air sendiri tidak obahnja sebagai seorang dagang yg hidupnya kian kemari menompang. Semangat itu telah menimbulkan perjuangan yang besar dari kota sampai ke dusun, dari soal yang paling kecil sampai kepada soal perkawinan. Perjuangan itu sangat hebat dilakukan terhadap bangsa Tionghoa jang bertambah

membanjir datangnya dan terhadap bangsa Arab yang mempunyai pengaruh besar dalam penghidupan mereka sehari-hari. Sebab itu, golongan kaum peranakan yang terkenal dengan sebutan “Jawi pekan” (Pen: Jawi Peranakan?) dan di Indonesia disebutkan “kaum Indo” menghadapi soal yang sangat sukar. (Ahmad, 1940, no.18/19).

Walaupun akhbar yang dikendalikan oleh orang Melayu tidak begitu banyak, perjuangan mereka melalui akhbar mulai terlihat sejak tahun 1920-an. Beberapa akhbar yang sering menyiarakan gagasan-gagasan pergerakan nasionalisme daripada penduduk Melayu dalam tahun 1920-an ialah *Idaran Zaman*, *Warta Malaya*, *Majlis*, *Majalah Malaya*, *Sahabat Pena* dan *Saudara*. Namun pada tahun 1930-an menurut Zainal Abdidin Ahmad (*Wartawan Pandji Islam* yang melawat ke Singapura), ada tiga akhbar harian milik peribumi yang cukup baik iaitu *Majlis* (Ibrahim Yaacob, Kuala Lumpur), *Warta Kinta* (Raja Mansoer, Ipoh) dan *Utusan Melayu* (Abdur Rahim Kajai, Singapura). Semua akhbar ini selain memperjuangkan kebangsaan, mereka pula memperjuangkan agama Islam seperti melawan usaha-usaha Inggeris memasukkan ajaran Kristian di sekolah-sekolah (Ahmad, 1940, no.18/19; Bakar, 1984).

KESIMPULAN

Hubungan Indonesia, terutamanya Sumatera dengan Semenanjung Tanah Melayu dapat difahami menerusi tiga perkara.

Pertama, dari aspek sejarah dan budaya. Jalinan sejarah asal dan budaya nenek moyang masyarakat kedua-dua negeri tidak dapat dipisahkan lagi. Kedua, akhbar dan majalah yang diterbitkan di Sumatera mempunyai kesan ke atas pergerakan nasional di Semenanjung Tanah Melayu menerusi penglibatan orang Melayu yang berasal daripada Sumatera dalam bidang kewartawanan dan penerbitan akhbar dan majalah seperti Syeikh Taher Jalaluddin dan Abdul Rahim Kajai. Ketiga, menerusi jaringan ejen-ejen pengedar akhbar dan majalah Indonesia ke Semenanjung Tanah Melayu. Kandungan akhbar itu mempengaruhi aktivis-aktivis politik di Semenanjung Tanah Melayu sehingga mereka menjalin hubungan dengan organisasi politik dan tokoh nasional Indonesia. Pengaruh itu terlihat pada Persatuan Melayu Muda, Kesatuan Rakyat Indonesia Semanjung (KRIS) dan tokoh seperti Ibrahim Yaacob yang menjadi pengikut Soekarno dan memperjuangkan kemerdekaan Melayu.

Hubungan antara Semenanjung Tanah Melayu dengan Sumatera sudah berlangsung sejak berkurun lamanya. Hubungan dalam penerbitan akhbar dan majalah sudah terjalin sejak abad ke-19. Kedua-duanya saling mempengaruhi yang tercermin daripada peranan dan kedudukan pengarang asal Sumatera pada akhbar terbitan Semenanjung Tanah Melayu. Sebaliknya akhbar yang diterbitkan di Semenanjung Tanah Melayu sering pula dibaca di Sumatera. Hubungan penerbitan kedua-dua negeri dapat dijejak menggunakan alamat surat akhbar dan

majalah terbitan Sumatera di Semenanjung Tanah Melayu, Pulau Pinang dan Singapura.

Beberapa karangan pengarang asal Sumatera juga mempengaruhi gerakan politik di Semenanjung Tanah Melayu. Informasi sosial, budaya, politik dan ekonomi telah pula dapat diketahui antara kedua-dua negeri sehingga membentuk pula hubungan-hubungan antara komuniti tertentu. Hampir di setiap penerbitan akhbar dan majalah di Sumatera memberitakan hal ehwal sosial, budaya dan ekonomi di Semenanjung Tanah Melayu. Ia pula memberitakan harga-harga barang yang ada di kedua-dua negeri. Penerbitan berkenaan pula turut menyiarkan informasi mengenai keselamatan dalam perjalanan di Selat Melaka, beberapa akhbar memberitakan mengenai keganasan perompak-perompak di Selat Malaka (“Keadaan di Selat Melaka,” 1926).

Sejak tahun 1920-an, ketika kegelisahan terhadap kolonialisme meningkat, pengaruh gerakan politik Indonesia juga sangat luas di Semenanjung Tanah Melayu sehingga menimbulkan inspirasi kepada tokoh-tokoh, sama ada dari Indonesia dan Semenanjung Tanah Melayu, untuk menyatukan gerakan politik kedua-duanya. Namun rancangan tersebut menemui kegagalan disebabkan oleh kekuatan penjajahan Belanda dan Inggeris. Indonesia merdeka tahun 1945 dan Malaysia diberi kemerdekaan pula pada tahun 1957.

Naratif para wartawan dari Indonesia pada amnya menunjukkan bahawa sukar bagi mereka berpisah dengan masyarakat Melayu Semenanjung Tanah Melayu. Daripada sejarah dan budaya, kedua-

duanya serumpun dan bersaudara. Walaupun mereka membuat naratif secara objektif namun begitu sikap subjektif sebagai orang Melayu dapat dibaca di pelbagai laporan media. Mereka juga kecewa melihat masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu mendapat layanan yang kurang baik daripada penajah. Secara objektif para wartawan dari Sumatera begitu senang ketika ada kemajuan yang diberikan oleh British.

Hubungan penerbitan antara media kedua-dua wilayah mempunyai emosi dan budaya, serta berkaitan dengan motivasi ekonomi dan politik. Oleh itu, untuk penyelidikan masa akan datang, motivasi ekonomi dan politik dalam hubungan media sebelum kemerdekaan perlu dijalankan.

PENGHARGAAN

Dalam melakukan kajian ini penulis mendapat bantuan daripada pihak Perpustakaan Nasional Republik Indonesia (PNRI) Jakarta, Perpustakaan Studi Ilmu-Ilmu Sosial (PUSIS) Universitas Negeri Medan dan khusus buat Anita Kencana Wati, pembantu yang mendapatkan sumber-sumber di Medan, Sumatera Utara. Terima kasih kepada semua pihak dan panel penilai artikel ini. Kritikan dan komentarnya membuat artikel ini menjadi lebih baik.

RUJUKAN

Abad 20 bisa dapat ketengah atau berlangganan pada kita poenja agent-agent. (1940, Jun 15). *Majalah Abad XX*, 700.

Abdullah, Z. B., Taib, M. N. B. M., Othman, I. B., Salleh, N. B. M., Yusuf, A. B. B., & Hashim, A.

- T. B. M. (2020). *Perkembangan pendidikan di Malaysia: Falsafah dan dasar*. UPSI . <https://www.academia.edu/download/43845312/KPF3012.pdf>
- Adam, A. (1975). The vernacular press in Padang, 1865-1913. *Akademika*, 7, 75-79.
- Adam, A. (1992). *Sejarah bibliografi akhbar dan masalah Melayu abad kesembilan belas*. Penerbitan Universiti kebangsaan Malaysia.
- Adam, A. (2003). *Sejarah awal pers dan kebangkitan Kesadaran keindonesiaan* (terj. Amarzan Loebis dan Mien Joehhaar). Hasta Mitra.
- Adam, A. (2012). *Soeara Minangkabau: Sejarah dan bibliografi akhbar dan majalah di Sumatera Barat*. Universiti Malaya Press.
- Adikartanegara (1936, Januari 20). Boeah Melaka. *Pedoman Masjarakat*, 15.
- Agent2 dan pembaca seluroh Malaya. (1941, September 15). *Majalah Pandji Islam*, 703.
- Agustono, B., Affandi, K. M., & Junaidi. (2021). *Benih Mardeka* in the political movement in East Sumatra, 1916-1923. *KEMANUSIAAN The Asian Journal of Humanities*, 28(2), 135-157. <https://doi.org/10.21315/kajh2021.28.2.6>.
- Ahmad, A. M. I. (1980). *Persurakhabaran Melayu*, 1876-1968. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ahmad, Z. A. (1940, Mei 13). Tjorat Tjoret dalam perdjalan. *Pandji Islam*, 8056-8058.
- Ahmad, Z. A. (1941). Malay journalism in Malaya. *Journal Malaya Branch and Royal Asiatic Society*, 19, 2(139), 244-250.
- Azhari, I., Sidiq, R., & Puranamasari, I. (2023). The role of newspapers published in North Sumatra during Indonesia's independence struggle between 1916-1925: A content analysis. *F1000Research*, 11, 249. <https://doi.org/10.12688/f1000research.53442.2>
- Bakar, A. L. A. (1984). *Abadul Rahim Kajai wartawan dan sasterawan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian pelajaran Malaysia.
- Bluhm, J. E. (1983). Preliminary statement on the dialogue established between the reform magazine Al-Manar and the Malayo-Indonesian World. *Indonesia Circle*, 11(32), 35-42. <https://doi.org/10.1080/03062848308729564>
- Cœdès, G., Damais, L.-C. Kulke, H., & Mangin, P.-Y. (2014). *Kedatuan Sriwijaya*. Ecole Française d'Extrême-Orient (EFEO) Centre de Jakarta.
- Eriyanto. (2013). *Analisis naratif, dasar-dasar dan penerapannya dalam analisis teks berita media*. Kencana Prenada Media Group.
- Hamzah, A. B. (1991). *Al-Imam: Its role in Malay Society 1906-1908*. Pustaka Antara.
- Harga langganan.(1941, Ogos 21). *Majalah Penjedar*, 10.
- Jaafar, A. B. H. (1980). Al Imam. In K. K. Kim, & J. Baharuddin (Eds.), *Lembaran Akhbar Melayu* (7-32). Persatuan Sejarah Malaysia.
- Keadaan di Selat Melaka. (1926, Mei 15). *Oetoesan Melajoe*, 1.
- Liow, J. C. (2005). *The politics of Indonesia-Malaysia relations one kin, two nations*. Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203479322>
- Ma'loemat. (1939, Ogos 11). *Seruan Kita*. 3.
- Malaya bersiap. (1941, September 13). *Majalah Abad XX*, 15.
- Mustajab, M. S. (1975). *Islam dan perkembangannya dalam masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu 1900-1940-an* [Unpublished master's thesis]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noer, D. (1973). *The modernist muslim movement in Indonesia 1900-1942*. Oxford University Press.
- Noer, D. (1980). *Gerakan moderen Islam di Indonesia 1900-1942*. Lembaga Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial.

- NV Handel Mij., & Drukkerij Sjarikat Tapanoeli. (1939, Mei 20). *Majalah Abad XX*, 3.
- Nyan, S. R. (2009). *Akhbar Saudara: Pencetus kesedaran masyarakat Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman, M. R., & Haris, A. H. (2015). The role of Egyptian influences on the religious dynamics and the idea of progress of Malaya's Kaum Muda (Young Faction) before the Second World War. *British Journal of Middle Eastern Studies*, 42(4), 465-480. <https://doi.org/10.1080/13530194.2015.1005965>
- Proudfoot, I. (1993). *Early Malay printed book*. The Library of University of Malaya.
- Putten, J. (1997). Printing in Riau: Two step toward modernitiy. *Bijdragen tot de Taal, land, en volkenkunde*, 153(4). 717-736. <https://www.jstor.org/stable/i27865382>. <https://doi.org/10.1163/22134379-90003922>
- Rahmat, H. B. (1996). The printing press and the changing concepts of literature, authorship an notions of self Malay literature. *Journal of the Malay Branch of the Royal Asiatic Society*, 69(1 (270), 64-84.
- Roff, W. R. (2005). *Nasionalisme Melayu* (terj. Ahmad Boestamam). Universiti Malaya Press.
- Said, M. (1976). *Pertumbuhan dan perkembangan pers di Sumatera Utara*. Penerbit Waspada.
- Said, M. (1976). *Sejarah Pers Sumatera Utara dengan masyarakat yang dicerminkannya 1885- Maret-1942*. Penerbit Waspada.
- Samboetan rekan. (1939, Ogos 11). *Seruan Kita*, 70.
- Samry, W. (2010). Pewarta Deli: Media pembangkit identiti dan kesedaran. *Jurnal Edita*, 1(1), 1-25.
- Samry, W. (2013). *Penerbitan akhbar dan majalah di Sumatera Utara 1902-1942*. [Unpublished doctoral dissertation]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Segenap Pentjinta PI di Malaya. (1941, Januari 13). *Pandji Islam*, 8711.
- Serba serbi dari Malaya. (1940a, Februari 16). *Seruan Kita*, 644.
- Serba serbi dari Malaya. (1940b, Februari 23). *Seruan Kita*, 666.
- Serba serbi dari Malaya.(1940c, Mac 22). *Seruan Kita*, 730.
- Tjokrosisworo, S. (1958). *Kenangan sekilas pers perdujuangan*. Serikat Perusahaan Suratkabar.
- Winstead, R.O. (1998). An outline of Malay annals contained in Raffles MS.no.18, 36-46, dalam Kheng, C.B. *Sejarah Melayu the Malay Annals*. The Malaysia Branch of the royal Asiatic society.
- Yaacob, I. (1957). *Sekitar Malaya merdeka*. Kesatuan Malaya Merdeka.
- Zakariya, H. (2005). Islamic reform in Malaya: Contribution of Shaykh Tahir Jalaluddin. *Intellectual Discourse*, 13(1), 49-72. <http://irep.iium.edu.my/id/eprint/106>

